

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN NO. 359

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah nisbah jumlah doktor berkhidmat di hospital berbanding bilangan pesakit yang dirawat; dan
- b) isu pemindahan doktor daripada hospital awam ke hospital swasta yang berpunca dari gaji rendah dan beban kerja yang berlebihan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan data *healthfacts*, jumlah kemasukan pesakit telah meningkat sejak tahun 2008 iaitu 2,062,925 jumlah kemasukan pesakit (*Hospital admission*) meningkat kepada 2,337,291 pada tahun 2017 manakala kedatangan pesakit luar (*outpatients*) adalah 15,273,036 pada tahun 2008 dan telah meningkat kepada 20,764,242 pada tahun 2017. Selaras dengan peningkatan pesakit di hospital, jumlah doktor di KKM juga dapat dilihat meningkat kepada 40,230 berbanding hanya 15,096 pada tahun 2008. Untuk makluman, kedudukan nisbah doktor kepada pesakit adalah 1:671 (2015), 1:632 (2016) dan 1:554 (2017).

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa prihatin dalam memastikan perkhidmatan kesihatan terus sampai ke segenap pelusuk negara. Jumlah Pegawai Perubatan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun dan dapat dilihat hasil dari pengeluaran graduan yang meningkat dari universiti dalam dan luar negara. Selain itu, Kerajaan telah pun memperkenalkan pelbagai kemudahan dan insentif yang telah ditambahbaik dari semasa ke semasa bagi menarik minat pakar dan pegawai perubatan untuk kekal berkhidmat dengan Kerajaan. Selain daripada itu, bagi meningkatkan jumlah doktor yang menyambung pembelajaran kepakaran, KKM melaksanakan Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*.

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mempergiatkan usaha dalam merapatkan jurang pendapatan Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di sektor swasta dengan sektor awam. Antara langkah penyelesaian yang telah dilaksanakan untuk memastikan Pegawai Perubatan Pakar supaya terus kekal berkhidmat di hospital Kerajaan adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 359

- i. Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar Gred UD54 dan ke atas yang telah diwartakan sekurang-kurangnya 4 tahun serta memenuhi syarat-syarat tertentu diberi kelonggaran satu (1) hari seminggu dalam tempoh waktu bekerja rasmi untuk melaksanakan Waktu Kerja Fleksi berkuat kuasa 1 Januari 2018 seperti mana yang diumumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018;
- ii. Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu;
- iii. Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes Pembedahan pada hari cuti hujung minggu untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elaun sebanyak RM200 sejam;
- iv. Memperkenalkan *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di Hospital KKM di mana Pegawai Perubatan Pakar boleh menjana sumber pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di hospital yang melaksanakan FPP. Selain itu, pesakit juga mempunyai pilihan untuk mendapatkan penjagaan rawatan di hospital kerajaan yang terpilih dengan kelebihan-kelebihan tertentu;
- v. Kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar lebih cepat mengikut tempoh Pakar tersebut berkhidmat di KKM (*time based promotion*) (dengan izin) mulai 9 Mac 2010. Bagi kenaikan pangkat Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun, mereka boleh dipertimbangkan ke Gred UD54;
- vi. Menambahbaik peluang kenaikan pangkat Pakar Perubatan dengan mewujudkan Gred Pakar UD56. Antara kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan dan berada atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada 5 tahun;

NO SOALAN : 359

- vii. Memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran;
- viii. Meningkatkan lebih banyak peluang latihan kepakaran perubatan melalui Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*;
- ix. Peluang latihan di luar negara bagi kursus jangka pendek;
- x. Menambahbaik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 kepada RM3,100.00 mulai 1 Januari 2009. Peningkatannya adalah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00;
- xi. Menambahbaik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (EKLWBB) (*Active Call*) (dengan izin) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am; dan
- xii. Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.